



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG**

**DOKUMEN SEBUTHARGA
No. Sebutharga : Bil PSUKPP/40/2022**

**TAJUK :
SEBUTHARGA PELUPUSAN SEBUAH KENDERAAN ASET ALIH KERAJAAN
MODEL KERETA PROTON WIRA**

**TARIKH TUTUP:
8 NOVEMBER 2022**

**URUSETIA
BHG. KHIDMAT PENGURUSAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
PULAU PINANG,
PARAS 30, KOMTAR,
10503 PULAU PINANG**

**TAJUK : SEBUTHARGA PELUPUSAN SEBUAH KENDERAAN ASET ALIH
KERAJAAN MODEL PROTON WIRA
NO. SEBUT HARGA: Bil. PSUKPP/40/2022**

Arahan-Arahan Kepada Penyebut Harga :

Sila ambil perhatian bersama-sama ini dilampirkan arahan-arahan berikut:-

KEW.PA-24 : Kenyataan Tawaran Sebut Harga

Lampiran A : Syarat dan Peraturan Sebut Harga

Lampiran B : Senarai Semak Dokumen Wajib Sebutharga (Pemilik Syarikat)

Lampiran C : Senarai Semak Dokumen Wajib Sebutharga (Individu)

Lampiran D: Borang Maklumat Diri (Pemilik Syarikat)

Lampiran E : Borang Maklumat Diri (Individu)

Lampiran F : Peringatan Mengenai Rasuah

Lampiran G : Pelaksanaan Integrity Pact

Lampiran H : Klausula Pencegahan Rasuah Dalam Dokumen

Lampiran I : Surat Akuan Pembida

Lampiran J : Surat Akuan Pembida Berjaya

KEW.PA-25: Borang Sebutharga Tawaran

No. Sebutharga : Bil. PSUKPP/40/2022

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
PELUPUSAN KENDERAAN ASET ALIH
KERAJAAN**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
PARAS 30, KOMTAR
10503 PULAU PINANG**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	IMEJ	NO. PENDAFTARAN	TAHUN DIBELI	HARGA SIMPANAN (RM)
1	PROTON WIRA 1.5GL		PDN1958	1996	8,702.00

2. Aset boleh dilihat pada **1 November 2022 (Selasa)** di antara jam **9.00 pagi** hingga **12.00 tengah hari** di **Depo Simpanan Kenderaan Kerajaan, Kompleks Masyarakat Penyayang, 250, Jalan Utama, 10450 George Town, Pulau Pinang**. Pegawai yang boleh dihubungi bagi tujuan ini adalah **Encik Muhammad Fazlee bin Abu Bakar (019-7917981/04-6505461)**.
3. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-25) yang boleh diperolehi di Kaunter Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Paras 3, KOMTAR bagi Individu dan di laman web Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP) bagi Pemilik Syarikat. Tempoh penjualan Borang sebutharga adalah daripada **1 November 2022 sehingga 8 November 2022**.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebutharga **Bil. PSUKPP/40/2022** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat:

**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Paras 30, Komtar, 10503 Pulau Pinang**

5. Tarikh Tutup sebutharga pada **8 November 2022 jam 12.00 tengah hari**. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(ZARUL AZWAN BIN ADAM)

Penolong Setiausaha Kanan (Aset Dan Bangunan)

Pejabat Setiausaha Kerajaan

Negeri Pulau Pinang

Oktober 2022

SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM 5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/wang pos/draf bank atau *Cashier's Order* sahaja atas nama **Bendahari Negeri Pulau Pinang**.
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is-basis).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
8. Penyebutharga yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 14 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
9. Pembayaran Dokumen sebutharga boleh dibuat dengan harga **RM10.00** secara *online* dan dimuat turun melalui **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** bagi **Pemilik Syarikat** mulai **1 November 2022** ataupun secara manual di **Kaunter Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Paras 3, KOMTAR**, bagi Individu.
10. Bagi **Pembeli Pemilik Syarikat**, hendaklah mengisi hal berkaitan di **Lampiran B** dan **Lampiran D**.
11. Bagi **Pembeli Individu/Persendirian/Penjawat Awam**, hendaklah mengisi hal berkaitan di **Lampiran C** dan **Lampiran E**.

LAMPIRAN B**SENARAI SEMAK DOKUMEN WAJIB SEBUTHARGA
(PEMILIK SYARIKAT)****NO. SEBUT HARGA : Bil. PSUKPP/40/2022****SEBUTHARGA PELUPUSAN KENDERAAN ASET ALIH KERAJAAN**

Sila tandakan dalam kotak yang disediakan bagi perkara-perkara yang wajib disertakan/disempurnakan seperti berikut.

PERKARA/DOKUMEN	Untuk Di Tanda Oleh Syarikat TANDAKAN (✓) (*) (T.B)	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
Dokumen Sebutharga telah dilengkapkan sepenuhnya		
Borang Maklumat (LAMPIRAN D)		
Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Malaysia (Jika Pembida dari Syarikat)		
Resit Pembelian Dokumen Sebutharga (Salinan Asal)		
Salinan Kad Pengenalan Pemohon & No Telefon Pemohon		
Surat Akuan Pembida (LAMPIRAN I)		
Surat Akuan Pembida Berjaya (LAMPIRAN J)		
Borang Sebutharga KEW.PA-25		

Tandatangan Penyebutharga : _____

Nama : _____

Cop Syarikat : _____

Nama & Alamat Syarikat :

Tarikh:

LAMPIRAN C**SENARAI SEMAK DOKUMEN WAJIB SEBUTHARGA
(PEMILIK INDIVIDU/PERSENDIRIAN/PENJAWAT AWAM)****NO. SEBUT HARGA : Bil. PSUKPP/40/2022****SEBUTHARGA PELUPUSAN KENDERAAN ASET ALIH KERAJAAN**

Sila tandakan dalam kotak yang disediakan bagi perkara-perkara yang wajib disertakan/disempurnakan seperti berikut.

PERKARA/DOKUMEN	Untuk Di Tanda Oleh Individu TANDAKAN (✓) (x) (T.B)	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
Dokumen Sebutharga telah dilengkapi sepenuhnya		
Borang Maklumat (LAMPIRAN E)		
Resit Pembelian Dokumen Sebutharga (Salinan Asal)		
Salinan Kad Pengenalan Pemohon & No Telefon Pemohon		
Surat Akuan Pembida (LAMPIRAN I)		
Surat Akuan Pembida Berjaya (LAMPIRAN J)		
Borang Sebutharga KEW.PA-25		

Tandatangan Penyebutharga : _____

Nama : _____

Alamat :



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG

BORANG MAKLUMAT DIRI PEMILIK SYARIKAT

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PEMILIK SYARIKAT

1.	Nama Perniagaan / Syarikat :	
2.	Alamat Pejabat Yang Didaftarkan :	
3.	Alamat Premis Cawangan : (Jika ada)	
4.	No. Pendaftaran Dengan Kementerian Kewangan: (Sila sertakan salinan sijil pendaftaran)	Mulai : Hingga :
5.	Taraf Pemilik Syarikat : (Sila sertakan sijil pengiktirafan yang dikeluarkan oleh PKK)	BUMIPUTERA / BUKAN BUMIPUTERA

6.	No. Telefon :	Pejabat : H/P : Faks :
7.	Bilangan Pekerja :	

8. Pecahan Ahli-Ahli Perkongsian/ Milikan Syarikat

BIL.	NAMA-NAMA	NO. K/P	ALAMAT	MILIKAN (%)

BAHAGIAN B: BUTIR-BUTIR PEMILIK SYARIKAT

PEMOHON	Nama : No. KP : Tarikh Lahir :
ALAMAT :	
JAWATAN DALAM SYARIKAT:	
TANDATANGAN :	

BAHAGIAN C: PENGAKUAN PEMILIK SYARIKAT

1. Saya,.....Nombor K.P.....
yang memiliki syarikat..... nombor
Pendaftaran Syarikatdengan ini mengaku bahawa
maklumat-maklumat yang terkandung di dalam permohonan ini adalah benar dan betul
dan saya sedar adalah menjadi **satu kesalahan** jika maklumat-maklumat yang diberikan
itu adalah **palsu**.

Tandatangan Pemilik Syarikat :

Alamat Syarikat :

.....

.....

Tarikh :

Cop Syarikat :



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG**

**BORANG MAKLUMAT DIRI INDIVIDU/PENJAWAT AWAM/PERSENDIRIAN
BAHAGIAN A: MAKLUMAT DIRI INDIVIDU**

1.	Nama & No Kad Pengenalan	
2.	Alamat Tetap & Alamat Surat Mesyuarat	
3.	Nama & Alamat Tempat Bekerja :	
4.	No. Telefon :	Rumah : H/P : Faks :

BAHAGIAN C: PENAKUAN INDIVIDU

Saya,.....Nombor K.P.....

dengan ini mengaku bahawa maklumat-maklumat yang terkandung di dalam permohonan ini adalah benar dan betul dan saya sedar adalah menjadi **satu kesalahan** jika maklumat-maklumat yang diberikan itu adalah **palsu**.

Tandatangan :

Alamat Rumah :

.....

.....

Tarikh :

LAMPIRAN F

PERINGATAN MENGENAI RASUAH

Selaras dengan usaha kerajaan untuk mencegah dan membendung perlakuan rasuah, berikut disenaraikan peringatan mengenai kesalahan rasuah :-

1. Sebarang perbuatan atau percubaan untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
2. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
3. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 394)
4. Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

LAMPIRAN G

PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT*

1. Kesemua penyebutharga yang menghantar dokumen sebutharga hendaklah menandatangani surat akuan pembida bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Urus Setia hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran sebutharga adalah seperti di **LAMPIRAN I** .

2. Penyebutharga yang berjaya harus menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa penyebutharga tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Format Surat Akuan Pembida Berjaya adalah seperti di **LAMPIRAN J**. Urus Setia juga hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Surat Setuju Terima / Pesanan Tempatan.

KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN

PEROLEHAN KERAJAAN

"Termination on Corruption, Unlawful or Illegal Activities"

(a) Without prejudice to any other rights of the Government, if the [Company/Firm], its personnel, servants or employees is convicted by a court of law for corruption or unlawful or illegal activities in relation to this [Agreement/Contract] or any other agreement that the [Company/Firm] may have with the Government, the Government shall be entitled to terminate this [Agreement/Contract] at any time, by giving immediate written notice to that effect to the [Company/Firm].

(b) Upon such termination, the Government shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses (including any incidental costs and expenses) incurred by the Government arising from such termination.

(c) For the avoidance of doubt, the Parties hereby agree that the [Company/Firm] shall not be entitled to any form of losses including loss of profit, damages, claims or whatsoever upon termination of this [Agreement/Contract].

SURAT AKUAN PEMBIDA

TAWARAN KENDERAAN TERPAKAI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

BIL. PSUKPP/40/2022

Saya, (Nama Wakil Syarikat/ Individu) No. K/P :yang mewakili (Nama Syarikat/ Individu) nombor pendaftaran (syarikat) : dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam tender/ sebutharga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran untuk mendapatkan tender/ sebutharga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :-
 - 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/ sebutharga* diatas ; atau
 - 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/ sebutharga* di atas ; dan
 - 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan yang berkuatkuasa
3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/ sebutharga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....
()

Cop Syarikat :

Catatan :

- i) * Potong mana yang tidak berkenaan
- ii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

TAWARAN KENDERAAN TERPAKAI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

BIL. PSUKPP/40/2022

Saya (Nama Wakil Syarikat/ Individu), No.
K/P : yang mewakili (Nama Syarikat)
..... nombor pendaftaran
(syarikat) : dengan ini mengishtiharkan bahawa saya atau
mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah
kepada mana-mana individu dalam (Nama Jabatan/
Agensi)..... atau mana-mana individu lain, sebagai
sandaran untuk dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan
Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk
membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam (Nama Jabatan/ Agensi)..... atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran untuk dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :-
 - 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga* diatas ; atau
 - 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebutharga* di atas ; dan
 - 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan yang berkuatkuasa
3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran untuk dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....
()

Cop Syarikat :

Catatan :

- i) * Potong mana yang tidak berkenaan
- ii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

BORANG SEBUTHARGA PELUPUSAN KENDERAAN ASET ALIH KERAJAAN

Nama Individu / Syarikat :

No. Kad Pengenalan / Pendaftaran Syarikat :

Alamat :

.....

.....

.....

Kepada :

Bhg. Khidmat Pengurusan

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Paras 30, KOMTAR

10503 PULAU PINANG

Tuan,

Tawaran Untuk Sebutharga Bil. PSUKPP/40/2022

Merujuk kepada perkara di atas, saya / syarikat berminat menyertai sebutharga tersebut

1. Tawaran saya / syarikat adalah seperti berikut :

Bil.	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Tawaran (RM)	Deposit Sebutharga
1	PROTON WIRA 1.5GL	1		10% daripada harga tawaran

2. Bersama-sama ini disertakan deposit sebutharga (sebanyak 10% daripada harga tawaran aset di atas atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah) yang bernilai (Ringgit Malaysia (RM).....) dalam bentuk kiriman wang/wang pos/draf bank/*cashier's order no.* atas nama Bendahari Negeri Pulau Pinang.

. Saya / Syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan. Sekian, terima kasih.

Tandatangan : _____

Nama Individu / Syarikat : _____

Cop Syarikat : _____

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

1.0 Hak Kerajaan Untuk Menerima/Menolak Sebutharga

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

2.0 Cara-Cara Melengkapkan Dokumen Sebutharga

2.1 Penyediaan Sebutharga

Penyebutharga adalah diwajibkan mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya oleh ;

2.1.1 Pemilik Syarikat;

- a) Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW-PA25) yang boleh diperolehi di laman web Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP) sahaja
- b) Aset (kenderaan) boleh dilihat pada **1 November 2022 (Selasa)** di antara 9.30 pagi hingga 12.00 tengah hari di **Depo Simpanan Kenderaan Kerajaan, Kompleks Masyarakat Penyayang, 250, Jalan Utama, 10450 George Town, Pulau Pinang.**
- c) Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Malaysia.
- d) Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM 5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/wang pos/ draf bank atau Cashiers Order sahaja atas nama Bendahari Negeri Pulau Pinang. Tertakluk kepada harga simpanan.

- e) Penyebutharga boleh menawarkan pembelian kenderaan secara pukal ataupun mengikut bilangan unit kenderaan yang dikehendaki

Individu ;

- f) Taklimat dan lawatan tapak adalah digalakkan.
- g) Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW-PA25) yang boleh diperolehi di alamat:

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Paras 3, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

- h) Tempoh penjualan Borang sebutharga adalah daripada **1 November 2022 sehingga 8 November 2022**. Dokumen tidak akan dijual selepas tempoh ini.
- i) Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM 5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/wang pos/ draf bank atau Cashiers Order sahaja atas nama Bendahari Negeri Pulau Pinang. Tertakluk kepada harga simpanan.

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Penyebutharga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 'Integrity Pact'

- a) Penyebutharga wajib mengemukakan **Surat Akuan Pembida** seperti di **Lampiran I** di mana ia berwaad untuk tidak menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai ganjaran untuk dipilih dalam tawaran ini. Wakil syarikat yang menandatangani **Surat Akuan Pembida** ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat.
- b) **Surat Akuan Pembida** tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian sebutharga peringkat pertama. Sekiranya pembida gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut yang telah ditandatangani oleh pegawai Syarikat yang bertauliah, pembida tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian peringkat pertama (gagal mengemukakan dokumen wajib) dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.
- c) Kontraktor yang berjaya wajib mengemukakan **Surat Akuan Pembida Berjaya** seperti di **Lampiran J** beserta dengan Borang Perjanjian Inden Kerja yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Perjanjian Sebutharga.

2.3 Penyerahan Dokumen Sebutharga

- a) Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebutharga **PSUKPP/40/2022** serta tajuk Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebutharga.
- b) Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Kontraktor hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.

- c) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan atas sebab apa sekalipun, tidak akan dipertimbangkan.

2.4 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebutharga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebutharga boleh menghubungi En. Muhammad Fazlee Bin Abu Bakar Bahagian Khidmat Pengurusan Paras 30, KOMTAR Pulau Pinang di talian 04-6505461/ 019-7917981 untuk penjelasan lanjut.

3.0 Perbelanjaan Penyediaan Sebutharga

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebutharga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

4.0 Tempoh Sah Sebutharga

Sebutharga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup Sebutharga. Penyebutharga tidak boleh menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh sah. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Penyebutharga menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh sebutharga.

5.0 Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah

Semua penyebutharga adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu, para penyebutharga diberi peringatan berikut:

- a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- c)** Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- d)** Mana-mana kontraktor yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah dipelawa daripada **syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempoh sah lakunya dan Individu (orang perseorangan)** yang berminat untuk membeli aset berikut :-

NO. SEBUTHARGA : Bil. PSUKPP/40/2022

**TAJUK SEBUTHARGA : SEBUTHARGA PELUPUSAN KENDERAAN ASET ALIH
KERAJAAN MODEL KERETA PROTON WIRA 1.5GL**

TARIKH DIBUKA : 1 November 2022

TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN: 1 November 2022 hingga 8 November 2022

LAWATAN TAPAK : 1 November 2022 (9.30 pagi -12.00 tengahari)

TARIKH DITUTUP : 8 November 2022 (Sebelum 12 Tengah Hari)

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP) dengan harga RM10.00 dan dimuat naik secara online. Individu yang berminat boleh membuat pembayaran borang tawaran sebhutharga di Kaunter Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Paras 3, KOMTAR, Pulau Pinang .Setiap tawaran hendaklah disertakan deposit tawaran sebanyak 10% daripada tawaran harga yang ditawarkan oleh penyebutharga. Deposit tersebut hendaklah dikemukakan dalam bentuk kiriman wang / wang pos atas nama Bendahari Negeri Pulau Pinang. Deposit akan dikembalikan kepada penyebutharga jika tidak berjaya.

3. Borang tawaran hendaklah diambil dan yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga **Bil. PSUKPP/40/2022** di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 30, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang pada atau sebelum **8 November 2022 jam 12:00 tengah hari**. Tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima tawaran sebutharga yang terendah atau mana-mana tawaran.
4. Kenderaan boleh dilihat pada **1 November 2022 (Selasa)** di antara 9.30 pagi hingga 12.00 tengahari di **Depo Simpanan Kenderaan Kerajaan, Kompleks Masyarakat Penyayang, 250, Jalan Utama, 10450 George Town, Pulau Pinang**.
5. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab sendiri.
6. Kerajaan tidak tertakluk untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. Kerajaan berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
7. Borang Tawaran sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan No. Sebutharga **Bil. PSUKPP/40/2022** dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga seperti alamat di bawah:-

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN KEWANGAN

PARAS 30, KOMTAR

10503 PULAU PINANG